TAHAP KESEDARAN TERHADAP PEMATUHAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (APDP) 2010 DALAM KALANGAN PEKERJA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)

UMMI MUNIRAH SYUHADA MOHAMAD ZAN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ummi@kuis.edu.my

FARAH MOHD SHAHWAHID
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
farahms@kuis.edu.my

NAWAL SHOLEHUDDIN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nawal@kuis.edu.my

ABSTRAK

Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) 2010 (*The Personal Data Protection Act, PDPA*) telah dikuatkuasa bermula pada tahun 2013 dengan mewajibkan pengguna data mengambil langkah praktikal dalam melindungi data peribadi berkaitan data subjek, iaitu mereka yang berurusan dengan pengguna data untuk tujuan komersial. Selain daripada pelanggan, pengguna data juga memproses data peribadi pekerja mereka. Kertas kerja ini membincangkan tahap kesedaran kalangan pekerja institusi pengajian tinggi swasta mengenai prinsip perlindungan data peribadi. Populasi dan sampel kajian adalah pekerja di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian tinjauan secara dalam talian dijalankan terhadap 200 orang pekerja yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran dan juga kakitangan akademik menggunakan teknik persampelan bola salji (*snowball*). Borang soal selidik mengandungi 26 item soalan berkaitan kesedaran pekerja terhadap tujuh prinsip Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dijadikan sebagai instrumen kajian. Data yang terkumpul dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran pekerja terhadap pematuhan APDP secara keseluruhan adalah tinggi dengan nilai min 4.15 dan sisihan piawai 0.40. Ini menunjukkan tahap kesedaran pekerja di KUIS adalah baik dan menunjukkan pihak pengurusan KUIS telah melaksanakan tanggungjawab dalam melindungi data peribadi pekerja mereka.

***Kata Kunci**: Perlindungan Data Peribadi, Privasi, Institusi Pengajian Tinggi, Prinsip-Prinsip Perlindungan Data Peribadi*

PENGENALAN

Pada era teknologi maklumat dan komunikasi, data semakin diterima sebagai komoditi yang berharga dan bernilai tinggi kerana ia memberi kelebihan kepada sesiapa yang memilikinya terutama dari aspek komersial. Data peribadi banyak dikongsi dan diperlukan dalam transaksi-transaksi komersial. Oleh itu, isu yang sering dibincangkan berkaitan data peribadi ialah berkaitan dengan privasi dan juga keselamatan data.

Maka undang-undang untuk melindungi dan mengawal aliran data peribadi telah diperkenalkan. Perundangan perlindungan data peribadi telah mula dikuatkuasa secara meluas di kebanyakan negara-negara maju bermula tahun 1990-an (Schwartz, 1995; Cate, 1995) dan kini langkah tersebut diikuti majoriti negara seluruh dunia. Di Malaysia, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP 2010) telah diperkenalkan untuk mencegah sebarang bentuk penyalahgunaan terhadap penyimpanan atau pemprosesan data peribadi melalui transaksi komersial contohnya bank, syarikat telekomunikasi, insurans, hospital, institusi pendidikan dan sebagainya. Akta tersebut merupakan sebahagian matlamat dasar ke-10 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, iaitu bagi menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan serta keutuhan rangkaian dalam perlindungan data di Malaysia (Mohd Hamdan, 2015).

Media sosial kini bukan sahaja menjadi ejen sosialisasi malah turut digunakan dalam penyampaian pelbagai maklumat dan isu termasuk agama (Muhammad Adnan, Siti Nur Husna & Mohd Izhar Ariff, 2018). Apabila teknologi dalam dunia siber semakin berkembang dengan pantas sudah semestinya ia turut membawa kesan negatif kepada sesebuah negara terutamanya dalam kalangan pengguna teknologi tersebut. Kesan negatif tersebut berlaku apabila terdapat kesalahan dalam menyampaikan maklumat tentang privasi pihak lain kerana ianya dapat menimbulkan masalah terutamanya apabila maklumat yang disalahguna itu membahayakan reputasi dan kredibiliti subjek data (Imam et al., 2018).

Kajian Farah dan Surianom (2014) menyatakan hak-hak data pekerja adalah hak untuk dimaklumkan, hak akses kepada data peribadi, hak untuk membetulkan data peribadi, hak untuk menarik balik persetujuan dan hak untuk mencegah pemprosesan untuk tujuan pemasaran langsung. Hal-hak ini terdapat di dalam tujuh (7) prinsip perlindungan data peribadi yang termaktub di dalam APDP 2010. Maka, kertas kerja ini ingin melihat tahap kesedaran staf Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) tentang perlindungan data peribadi mereka yang diproses oleh KUIS berdasarkan tujuh prinsip APDP 2010.

SOROTAN LITERATUR

Perlindungan Data Peribadi Pekerja Mengikut APDP 2010

Perubahan struktur dan bentuk tempat kerja menyebabkan pengawasan dan amalan pemantauan yang dilakukan oleh majikan terhadap pekerja bersifat lebih invasif, kerap dan tersembunyi. Hal ini akan mempunyai kaitan rapat dengan hak terhadap privasi dan maruah pekerja di tempat kerja (Smith & Tabak, 2009). Penggunaan internet, media sosial, laman sesawang dan emel menyumbang kepada kecekapan dan kecemerlangan dalam perniagaan (Leftheriotis & Giannakos, 2014). Ini adalah kerana alat tersebut murah, cepat dan mudah digunakan.

Kemajuan teknologi dan perisian juga meningkatkan tahap pengawasan automatik (Nord et al., 2006). Tambahan pula, kini pengawasan prestasi pekerja, tingkah laku dan komunikasi boleh dijalankan melalui teknologi dengan cara meningkatkan kemudahan dan kecekapan (Mishra & Crampton, 1998). Walau bagaimanapun, kewujudan media sosial, emel dan pelbagai lagi bentuk teknologi komunikasi membuka ruang kepada berlakunya penyalahgunaan (Turban & Liang, 2011).

Setiap hal dan permasalahan yang berkaitan dengan privasi memerlukan peruntukan undang-undang yang jelas dan komprehensif. Pekerja di seluruh dunia biasanya tertakluk pada beberapa jenis pemantauan oleh majikan mereka untuk memastikan segala perancangan syarikat dapat dijalankan dengan teratur. Lazimnya atas sebab tertentu, majikan akan mengumpulkan dan mendapatkan maklumat peribadi daripada pekerja seperti maklumat penjagaan kesihatan, maklumat percukaian dan pemeriksaan latar belakang peribadi, serta

melakukan pemantauan dan pengawasan berterusan terhadap pekerja di tempat kerja dan ketika mereka bekerja (Butler, 2009).

Teknologi yang digunakan oleh sesebuah syarikat juga akan memberi kesan dalam setiap aspek kehidupan pekerja. Sebagai contoh penggunaan program perisian yang boleh merakam apabila ditekan pada komputer dan memantau imej skrin secara tepat, sistem pengurusan telefon boleh menganalisis corak penggunaan telefon dan destinasi panggilan, manakala kamera kecil dan kad pengenalan atau ID pintar boleh memantau bukan sahaja tingkah laku dan pergerakan, malahan orientasi fizikal pekerja (Zuryati & Zainal, 2019). Pemantauan dan pengumpulan data peribadi di tempat kerja ini kebiasaannya akan melibatkan beberapa bentuk campur tangan manusia sama ada dengan kebenaran, atau sekurang-kurangnya dengan pengetahuan pekerja.

Seperti yang dinyatakan bahawa APDP 2010 hanya digunakan untuk data yang berkaitan dengan transaksi komersial. Mengikut seksyen 4, transaksi komersial dalam konteks ini didefinisikan sebagai apa-apa transaksi bersifat komersial, sama ada secara kontrak atau tidak, yang termasuk apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembekalan atau pertukaran barang atau perkhidmatan, agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans (APDP, 2010). Perkhidmatan yang terkandung dalam senarai makna transaksi komersial ini menjadikannya relevan untuk digunakan dalam sektor pekerjaan di mana subjek data merujuk kepada pekerja dan pengguna data merujuk kepada majikan atau orang yang memproses apa-apa data peribadi.

Seksyen 40(1)(a) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 menyatakan bahawa pengguna data tidak boleh memproses apa-apa data peribadi sensitif seseorang subjek data kecuali subjek data telah memberikan persetujuannya secara nyata bagi pemprosesan data peribadi itu. Walaupun begitu, data peribadi masih boleh diproses sekiranya ia terletak di bawah keadaan yang tertakluk dalam seksyen 40(1).

Kesedaran Pekerja Berkaitan Perlindungan Data Peribadi

Elemen yang paling utama dalam kesedaran keselamatan adalah elemen manusia atau pekerja dalam organisasi tersebut (Desman, 2003). Keselamatan sumber teknologi di tempat kerja sangat bergantung pada tingkah laku pekerja dan sangat penting sekiranya organisasi tersebut mengambil langkah untuk meningkatkan persepsi pekerja untuk mempraktikkan amalan terbaik keselamatan (Rantos et al., 2012). Abawajy (2014) menyatakan bahawa banyak pelanggaran keselamatan adalah disebabkan daripada kejahilan pengguna dan tingkah laku yang cuai ketika berkongsi maklumat seperti kata laluan dan membuka hantaran emel dari sumber yang tidak diketahui. Pekerja biasanya tidak menyedari akibatnya terhadap diri mereka sendiri atau organisasi apabila berlaku pelanggaran keselamatan ini.

Matlamat utama kesedaran keselamatan dalam organisasi adalah untuk meningkatkan kepentingan amalan terbaik keselamatan dan memberi kesedaran kepada pekerja tentang akibat yang akan diterima daripada pelanggaran keselamatan ini (Hanshe, 2001). Sebagai contoh dokumen yang dilupuskan secara cuai akan menjadikan data peribadi yang dicetak terdedah. Hal ini merupakan kaedah biasa dalam mencuri data peribadi yang mungkin digunakan oleh pihak ketiga yang berniat tidak baik untuk mendapatkan akses ke rangkaian organisasi (Mayvin Loo, 2015).

Institusi pendidikan tinggi turut tidak terlepas dalam menjadi tempat yang mempunyai kes pelanggaran keselamatan data peribadi. Pada 2014, Universiti Maryland telah melanggar rekod sebanyak 309,000 termasuk nombor keselamatan sosial, tarikh lahir dan nombor identiti universiti (Svitek & Anderson, 2014). Dalam kejadian lain di universiti yang sama, Universiti Maryland telah memberitahu seramai 288,000 pelajar, fakulti dan staf bahawa data peribadi mereka telah dilanggar (Roman, 2015). Hal ini jelas menunjukkan bahawa institusi pendidikan juga menjadi tarikan untuk dijadikan ancaman jenayah dalam perlindungan data peribadi.

Roman (2015) mencadangkan untuk memberi kesedaran tentang keselamatan siber untuk fakulti, staf dan pelajar dalam menerapkan tingkah laku keselamatan yang lebih tinggi ketahanannya.

Berdasarkan laporan oleh Mageswari (2017), pada 3 Mei 2017 seorang majikan telah didakwa di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 kerana memproses data atau maklumat peribadi bekas pekerjanya tanpa perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Ini adalah pendakwaan pertama di bawah Akta walaupun hakikatnya akta ini berkuat kuasa sejak 15 November 2013. Kesalahan tersebut, jika disabitkan, boleh dihukum di bawah Akta dengan denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya.

Walaupun yang didakwa dituduh atas tuduhan jenayah dengan alasan kurangnya perakuan, tidak seorang pun dari sudut pandang pekerja ingin maklumat peribadi mereka disimpan oleh majikan secara tidak sah dan yang paling teruk, diselongkar dan diproses serta didedahkan kepada pihak lain. Hal ini menunjukkan pelanggaran undang-undang dapat menimbulkan akibat yang serius kepada majikan, terutama apabila pekerja atau bekas pekerja mengajukan aduan (Chia Swee Yik, 2017).

Dalam satu kajian oleh Muhammad Faheem dan Hasnira (2014), kajian menunjukkan seramai 98 peratus responden yang merangkumi 100 warga KPTM Bangi menyatakan bahawa mereka bimbang tentang privasi maklumat mereka sementara hanya terdapat 2 peratus dari mereka mengatakan bahawa mereka tidak bimbang mengenainya. Meskipun masih terdapat peratusan yang masih tidak mementingkan privasi data peribadi mereka, namun kesedaran dalam kalangan pelajar KPTM Bangi dilihat adalah tinggi.

Ketika berlaku pandemik COVID 19, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan yang turut memberi kesan kepada perundangan. Hal ini kerana, ketika pandemik ini berlaku, masyarakat digalakkan untuk melakukan transaksi tanpa sentuhan termasuk dalam urusan di tempat kerja. Sewaktu meminta data peribadi daripada pekerja, majikan atau syarikat perlu memberi notis yang mengandungi tujuan bagi memperoleh data peribadi tersebut dan semua maklumat lain yang dinyatakan di bawah seksyen 7 APDP 2010. Hal ini jelas menunjukkan persetujuan dari pihak pekerja adalah diperlukan bagi memproses data peribadi. Selain itu, jika pemprosesan data peribadi sensitif pekerja seperti data kesihatan yang berkaitan dengan COVID 19 tidak diperuntukkan dalam kontrak atau polisi yang ada, majikan perlu mengeluarkan notis baru atau polisi tambahan kepada pekerja dan persetujuan daripada pekerja diperlukan (Darren et al, 2020).

METODOLOGI

Pendekatan secara kuantitatif berasaskan reka bentuk keratan rentas digunakan dalam kajian ini. Pemilihan reka bentuk ini sesuai dengan keperluan kajian iaitu untuk membolehkan penyelidik mengumpul data daripada responden kajian pada satu titik masa yang ditetapkan. Populasi kajian ini ialah semua staf yang bekerja di KUIS merangkumi bahagian pentadbiran dan juga pensyarah. Jumlah keseluruhan staf di KUIS pada tahun 2020 adalah seramai 642 orang. Unit analisis kajian ini adalah individu. Sampel kajian dipilih berdasarkan teknik pensampelan bola salji (*snowball sampling*). Pautan kepada borang soal selidik yang dibangunkan menggunakan *Google Form* telah dikongsi kepada 60 orang staf di KUIS melalui aplikasi *Whatsapp* dan juga email. Staf berkenaan diminta memanjangkan pautan soal selidik ini kepada rakan terdekat mereka sehingga mencapai jumlah sampel yang diperlukan. Selama satu bulan diperuntukkan bagi tempoh pengumpulan data ini.

Berdasarkan andaian asas mengikut Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970), jumlah sampel ditentukan bagi kajian ini adalah 242 bagi menggambarkan saiz populasi sebanyak 650 orang. Pallant (2007) dan Hair et al. (2010) menyatakan nisbah terbaik

responden kepada item ialah lima, sepuluh atau 20 orang responden bergantung kepada tahap kritikal kajian yang dijalankan. Jika nisbah lima digunakan dalam kajian ini, maka jumlah responden yang diperlukan adalah 130 orang berdasarkan 26 item pengukuran kesedaran staf KUIS. Oleh itu, sampel kajian yang ditetapkan sebanyak 200 orang adalah mencukupi dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A merupakan profil responden kajian yang mengandungi pemboleh ubah jantina, umur, tahap pendidikan, status pekerjaan, kategori perkhidmatan dan fakulti atau bahagian.

Bahagian B mengandungi set soalan untuk mengukur konstruk kesedaran warga KUIS terhadap pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) yang dibina melalui proses "adopt and adapt" berdasarkan Smith et al. (1996) dan disesuaikan dengan 7 prinsip APDP. Instrumen dalam bahagian ini mengandungi 26 item untuk mengukur tujuh dimensi. Tujuh dimensi ini dibina berdasarkan tujuh prinsip yang terdapat dalam APDP. Berikut merupakan senarai tujuh prinsip APDP:

i. Am (*General*)
ii. Notis dan Pilihan (*Notice and Choice*)
iii. Penzahiran (*Disclosure*)
iv. Keselamatan (*Safety*)
v. Penyimpanan (*Retention*)
vi. Integriti data (*Integrity*)
vii. Akses (*Access*)

Kesemua item ini diukur menggunakan skala likert lima tahap (1=sangat tidak setuju hingga 5=sangat setuju). Jadual 1 menunjukkan item-item dalam soal selidik bagi kesedaran warga KUIS terhadap APDP. Konstruk ini tidak dikomposit mengikut dimensi tetapi dikompositkan kesemuanya sekali untuk menghasilkan satu jumlah skor yang akan mewakili satu nilai sahaja kepada konstruk kesedaran ini. Skor ini akan menjelaskan tahap kesedaran staf KUIS berada pada tahap apa.

Jadual 1: Item-item Bagi Konstruk Kesedaran

Bil.	Item
	Prinsip Am
1	Saya sedar bahawa nama penuh saya, nombor Kad Pengenalan, alamat rumah, nombor telefon dan maklumat kesihatan dianggap sebagai data peribadi saya.
2	Saya sedar bahawa Malaysia telah menggubal undang-undang (Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) dengan tujuan melindungi data peribadi seseorang dalam transaksi komersial.
3	Saya sedar bahawa KUIS sebagai institusi pendidikan mempunyai kewajipan berkanun untuk melindungi data peribadi saya.
4	Saya berasa tidak selesa apabila KUIS meminta data peribadi saya.
5	Saya sedar bahawa KUIS perlu memperoleh persetujuan saya setiap kali KUIS meminta data peribadi saya.
6	Saya bimbang KUIS mengumpulkan terlalu banyak data peribadi mengenai saya.
	Prinsip Notis dan Pilihan
7	Saya sedar bahawa maklumat di atas tidak boleh dikongsi tanpa persetujuan saya.

8	Saya kadang-kadang berfikir dua kali sebelum memberikan maklumat peribadi yang dipinta pihak KUIS.
	Prinsip Penzahiran
9	Walaupun saya berkongsi data peribadi saya dengan KUIS, saya berasa tidak selesa untuk memberikan data peribadi saya kepada organisasi lain.
10	Saya sedar bahawa KUIS harus menyatakan tujuan mengumpulkan, memproses dan menyimpan data peribadi saya.
	Prinsip Keselamatan
11	Saya sedar bahawa data peribadi saya disimpan dengan selamat oleh KUIS.
12	Saya sedar bahawa KUIS mencurahkan masa dan usaha yang mencukupi untuk mengelakkan akses yang tidak dibenarkan kepada data peribadi pekerja.
13	Saya sedar bahawa KUIS mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa pangkalan data yang mengandungi data pekerja dilindungi daripada akses yang tidak dbenarkan.
14	Saya sedar bahawa KUIS mengambil langkah yang mencukupi untuk memastikan bahawa orang yang tidak mempunyai kebenaran tidak boleh mencapai data peribadi pekerja.
15	Saya sedar bahawa apabila staf memberikan data peribadi kepada KUIS atas sebab tertentu, KUIS tidak menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan lain.
16	Saya sedar bahawa KUIS tidak menggunakan data peribadi untuk tujuan lain melainkan telah mendapat kebenaran daripada staf yang memberikan maklumat tersebut.
17	Saya sedar bahawa KUIS tidak berkongsi atau menjual data peribadi staf di dalam pangkalan data mereka kepada pihak ketiga.
18	Saya sedar bahawa KUIS tidak berkongsi maklumat data peribadi dengan pihak ketiga melainkan telah mendapat kebenaran daripada staf yang memberikan maklumat tersebut.
19	Saya sedar bahawa ada keadaan di mana KUIS boleh berkongsi data peribadi saya dengan pihak ketiga tertentu tanpa mendapat persetujuan saya. (contoh: untuk tujuan pencegahan atau pengesanan jenayah dan untuk tujuan penyiasatan, penangkapan atau pendakwaan pesalah.)
	Prinsip Penyimpanan
20	Saya sedar bahawa data peribadi saya hanya boleh disimpan untuk jangka masa tertentu.
21	Saya sedar bahawa setelah tempoh tertentu telah berakhir, data peribadi saya akan dipadam oleh pihak KUIS.
	Prinsip Integriti Data
22	Saya sedar bahawa semua data peribadi staf diperiksa semula untuk ketepatan.
23	Saya sedar bahawa KUIS mengambil langkah yang mencukupi untuk memastikan ketepatan data peribadi staf.
24	Saya sedar bahawa KUIS mempunyai prosedur tertentu untuk mengemas kini data peribadi staf.
25	Saya sedar bahawa KUIS mencurahkan masa dan usaha yang mencukupi untuk mengesahkan ketepatan data peribadi di dalam pangkalan data mereka.
	Prinsip Akses
26	Saya sedar saya mempunyai hak untuk mengemaskini data peribadi saya yang disimpan oleh KUIS.

Kaedah Analisis Data

Penganalisisan data dijalankan menggunakan statistik deskriptif untuk memperihalkan profil responden kajian dan setiap konstruk kajian. Pemboleh ubah jantina, etnik, tahap pendidikan, status pekerjaan, kategori perkhidmatan, fakulti atau bahagian adalah jenis pemboleh ubah yang menggunakan pengukuran skala nominal atau kategorikal. Oleh itu kesemua pemboleh ubah ini dianalisis dan diperihal menggunakan statistik deskriptif berdasarkan nilai bilangan dan peratus. Manakala pemboleh ubah umur dan konstruk kesedaran Akta Data Perlindungan Peribadi adalah jenis pemboleh ubah yang menggunakan skala interval. Oleh itu kesemua pemboleh ubah tersebut diperihal menggunakan statistik deskriptif berdasarkan nilai min dan sisihan piawai.

Kajian Rintis

Kajian rintis dilaksanakan adalah bertujuan mendapatkan pengesahan kepada tahap kebolehpercayaan soal selidik yang dijalankan supaya hasil dapatan adalah sah dan boleh dipercayai (Sekaran, 2006; Merriam, 2009). Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada konsistensi atau kestabilan data yang diperolehi melalui pengumpulan data yang dijalankan (Neuman, 2003; Noraini, 2010).

Kajian rintis ini telah dijalankan kepada 34 sampel yang terdiri daripada staf KUIS (pentadbiran dan juga akademik) bagi menjawab soal selidik kajian dalam bentuk *Google Form*. Proses pengumpulan data bagi kajian rintis ini telah dilakukan selama satu bulan iaitu bulan September pada tahun 2020. Bilangan ini adalah mencukupi bagi sesuatu kajian dalam bidang sains sosial (Creswell, 2009; Marohaini, 2013). Kajian rintis dijalankan di KUIS disebabkan taburan pekerja yang merangkumi kategori pentadbiran dan juga pensyarah. Ini memenuhi ciri-ciri yang sama dengan kajian ini yang melibatkan keseluruhan tenaga kerja di KUIS. Nilai Cronbach Alpha bagi keseluruhan item soalan kesedaran adalah 0.905. Ini menunjukkan bahawa instrumen kesedaran ini mencapai tahap kebolehpercayaan sebagai konstruk pengukuran yang baik iaitu melebihi 0.7 (Hair et al., 2010). Oleh itu, kajian tinjauan ke atas warga KUIS dapat diteruskan dengan jumlah sampel 200 orang.

DAPATAN KAJIAN

Penerokaan Data Kajian

Sebanyak 200 set soal selidik yang telah diterima dimasukkan datanya ke dalam perisian SPSS versi 21.0. Kesemua kes data lenyap iaitu empat set dikeluarkan daripada set data meninggalkan 196 set data lengkap yang dipertimbangkan untuk proses penganalisisan bagi meningkatkan kesahan kajian (Sekaran, 2006). Rajah 2 di bawah menunjukkan terdapat satu cerapan bernombor 105 yang mengalami data terpencil dan perlu dibuang daripada set data ini. Setelah dikeluarkan, tiada data terpencil yang berlaku ke atas konstruk kesedaran seperti dalam Rajah 3.

Rajah 2: Pengujian Data Terpencil (*Outlier*) Konstruk Kesedaran Berdasarkan Boxplot (sebelum)



Sumber: Kajian Lapangan 2021

Rajah 3: Pengujian Data Terpencil (*Outlier*) Konstruk Kesedaran Berdasarkan Boxplot (selepas)



Sumber: Kajian Lapangan 2021

Jadual 2 menunjukkan taburan data bagi konstruk kesedaran adalah normal berdasarkan nilai *skewness* = -.142 dan nilai *kurtosis* = -.313 yang berada di antara -1 dan +1 (Hair et al., 2017). Keseluruhannya, analisis penerokaan data ini menunjukkan bahawa taburan data adalah normal. Setelah melalui proses semakan isu data tidak lengkap, data terpencil dan kenormalan data, akhirnya sebanyak 195 set data layak untuk dianalisis. Jumlah bilangan sampel yang tinggal ini masih memenuhi kriteria umum saiz sampel minimum oleh Pallant (2007) dan Hair et al. (2010) iaitu sekurang-kurangnya 130 responden.

Jadual 2: Pengujian Kenormalan Data (*Normality*) Konstruk Kesedaran Berdasarkan *Skewness* dan *Kurtosis*

Descriptives				
			Statistic	Std. Error
Kesedaran	Mean		4.1507	.02804
	95% Confidence Interval for Mean	Lower Bound	4.0954	
		Upper Bound	4.2060	
	5% Trimmed Mean		4.1572	
	Median		4.1538	
	Variance		.153	
	Std. Deviation		.39152	
	Minimum		3.12	
	Maximum		5.00	
	Range		1.88	
	Interquartile Range		.54	
	Skewness		-.142	.174
	Kurtosis		-.313	.346

Profil Responden

Sebanyak 195 soal selidik yang diterima boleh digunakan untuk tujuan analisis dalam kajian ini. Taburan data dalam Jadual 3 menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada perempuan (68.2%) dan selebihnya adalah lelaki (31.8%). Sejumlah 42.6 peratus responden adalah staf yang berumur antara 40 - 49 tahun, manakala hanya sebilangan kecil iaitu 3.1 peratus adalah staf yang berumur 50 – 59 tahun. Kebanyakan responden berkelulusan Sarjana atau PhD (50.3%) dan memiliki Ijazah Sarjana Muda (21.0%). Selain itu, sebanyak 11.8 peratus responden kajian ini berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala 10.8 peratus memiliki Diploma. Hanya 0.5 peratus, 1.5 peratus dan 4.1 peratus staf yang terlibat dalam kajian ini berkelulusan UPSR, SRP/PMR dan sijil/STPM. Majoriti responden adalah pekerja tetap (93.3%) manakala hanya 6.2 peratus berstatus kontrak. Pecahan bagi kategori perkhidmatan antara staf akademik dan staf pentabiran hampir sama iaitu 48.7% adalah staf akademik dan 50.3% adalah daripada staf pentadbiran.

Jadual 3: Profil Responden (n=195)

Pemboleh Ubah	Bilangan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	62	31.8
Perempuan	133	68.2
Umur		
20-29 tahun	19	9.7
30-39 tahun	73	37.4
40-49 tahun	83	42.6
50-59 tahun	6	3.1
Data lenyap	14	7.2
(Min Umur = 38.51, Sisihan Piawai = 6.488)		
Tahap Pendidikan		
UPSR	1	0.5
SRP/PMR	3	1.5
SPM	23	11.8
Sijil/STPM	8	4.1

Diploma	21	10.8
Sarjana Muda	41	21.0
Pascasiswazah (Sarjana/PhD)	98	50.3
Status Pekerjaan		
Kontrak	12	6.2
Tetap	182	93.3
Data lenyap	1	0.5
Kategori Perkhidmatan		
Akademik	95	48.7
Pentadbiran	98	50.3
Data lenyap	2	1.0

Tahap Kesedaran Staf KUIS

Bagi menggambarkan keseluruhan tahap kesedaran warga KUIS terhadap APDP, interpretasi skor min daripada Pallant (2001) digunakan. Jadual 4 menunjukkan terdapat tiga kategori interpretasi berdasarkan nilai min yang diperoleh iaitu sama ada rendah, sederhana atau tinggi.

Jadual 4: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2001)

Secara keseluruhan, skor min bagi kesedaran warga KUIS yang merangkumi staf pentadbiran dan kakitangan akademik adalah 4.1507. Nilai ini menunjukkan tahap kesedaran warga KUIS terhadap APDP berada pada tahap tinggi. Dapatan ini juga dapat dijelaskan berdasarkan peratusan bagi setiap skor min yang diperoleh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah. Analisis menunjukkan sebanyak 88.7 peratus bersamaan 173 staf KUIS mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai perlindungan data peribadi sebagai subjek data dalam sektor pendidikan.

Jadual 5: Tahap Kesedaran

Skor Min	Bilangan	Peratus (%)
Rendah	0	0
Sederhana	22	11.3
Tinggi	173	88.7

KESIMPULAN

Melalui borang soal selidik, responden ditanyakan beberapa soalan yang berkisarkan prinsip-prinsip perlindungan data peribadi. Penekanan diberikan kepada langkah-langkah pematuhan dan juga amalan yang dilaksanakan oleh organisasi. Sebanyak 26 soalan berkaitan prinsip-prinsip perlindungan data peribadi perlu dijawab oleh responden. Secara umumnya, tahap kesedaran pekerja KUIS berkenaan prinsip-prinsip perlindungan data peribadi adalah tinggi dan majoriti responden yang menjawab soal selidik adalah berpuas hati dengan amalan pemprosesan data dan langkah-langkah pematuhan perlindungan data peribadi yang diambil oleh KUIS. Tahap kesedaran yang tinggi di kalangan staf KUIS mengenai perlindungan data peribadi mereka adalah selari dengan dapatan kajian mengenai privasi maklumat peribadi oleh Muhammad Faheem dan Hasnira (2014) yang menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi di

kalangan pelajar mengenai keselamatan maklumat peribadi mereka. Seramai 98 peratus responden dalam kalangan pelajar Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Bangi menyatakan bahawa mereka bimbang tentang privasi maklumat mereka sementara hanya ada 2 peratus dari mereka mengatakan bahawa mereka tidak bimbang mengenainya. Meskipun masih terdapat peratusan kecil yang masih tidak mementingkan privasi data peribadi mereka, dapatan kajian ini membuktikan majoriti pelajar di KPTM Bangi ini mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai perlindungan data peribadi.

Kajian ini telah meneliti peruntukan perundangan yang berkaitan perlindungan data peribadi di Malaysia. Penggubalan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 merupakan langkah awal kepada penguatkuasaan amalan berkaitan perlindungan dan privasi data peribadi seseorang individu. Akta ini juga telah diperkukuhkan dengan beberapa tatacara amalan mengikut sektor sebagai langkah penambahbaikan dan memudahkan penguatkuasaan. Setakat ini, tatacara amalan bagi sektor pendidikan belum digubal dan pengguna data diberikan kelonggaran untuk memperkenalkan langkah-langkah pematuhan di organisasi masing-masing mengikut tafsiran peruntukan Akta dan kesesuaian dan kekangan di organisasi masing-masing. Penyataan ini adalah hasil temubual bersama pakar bidang undang-undang siber dan privasi iaitu Dr. Sonny Zulhuda, pensyarah undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Dari segi praktikalnya, pihak pengguna data iaitu pengurusan KUIS memainkan peranan penting untuk memastikan tahap kesedaran tinggi di kalangan warga KUIS mengenai isu-isu berkaitan perlindungan data peribadi. Sebagai majikan, KUIS perlu mengambil langkah mendidik dan mendedahkan kepentingan perlindungan data peribadi kepada stafnya. KUIS perlu menonjolkan bahawa kampus KUIS menitikberatkan persekitaran yang mematuhi prinsip-prinsip perlindungan data peribadi dan tidak mengambil mudah usaha-usaha melindungi data peribadi. Apabila pekerja melihat kesungguhan majikan mematuhi peraturan dan perundangan berkaitan perlindungan data peribadi, dan berada dalam persekitaran di mana semua pihak mengambil berat aspek pematuhan perlindungan data peribadi, maka mereka juga akan lebih cenderung mengambil tahu dan menunjukkan usaha meningkatkan kesedaran berkaitan perkara ini. Selain dari usaha majikan, sikap individu staf itu sendiri juga memainkan peranan penting dalam usaha untuk melindungi keselamatan data peribadi mereka.

Rujukan

Abawajy, J. (2014). User Preference of Cyber Security Awareness Delivery Methods. *Behaviour & Information Technology*, 33(3), 236-247.

Butler Smith, L. (2009). Workplace privacy: We'll be watching you. *Ohio NUL Rev*., 35, 53.

Cate F. H. (1995). The EU Data Protection Directive, Information Privacy, and the Public Interest. *Iowa L. Rev*, 80, 431.

Chia Swee Yik. (2017). *Basics of Personal Data Protection for Employee*. Chia, Lee and Associates. Retrieved from https://chialee.com.my/basics-of-personal-data-protection-for-employers/

Cresswell J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (3rd Edition): SAGE, UK.

Darren Kor Yit Meng, P. Jayasingam, Wong Keat Ching & Thavaselvi Pararajasingam. (2020). *Personal Data Protection for Employees Amidst Covid-19*. Personal Data Protection. Zul Rafique & Partners, 29 May 2020.

Desman, M. B. (2003). The ten commandments of information security awareness training. *Information Systems Security*, 11(6), 39-44.

Farah Mohd Shahwahid & Surianom Miskam. (2014). Personal Data Protection Act 2010: Taking The First Steps Towards Compliance. *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*. 153-162.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (7th edition). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.

Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2017). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)* (2nd edition). Thousand Oaks, CA: Sage

Hanshe, S. (2001). *Designing a security awareness plan: Part I*. Information Systems Security, 9(6), 1-9.

Imam Teguh Islamy, Sisca Threecya Agatha, Rezky Ameron, Berry Humaidi Fuad, Evan & Nur Aini Rakhwati. (2018). Pentingnya Memahami Penerapan Privasi di Era Teknologi Informasi. *Jurnal Teknologi Informasi dan Pendidikan*. 11(2), 21-28.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30(3): 607-610.

Leftheriotis, I., & Giannakos, M. N. (2014). Using social media for work: Losing your time or improving your work?. *Computers in Human Behavior*, 31, 134-142.

Mageswari M. (2017). *College Operator First to be Hauled to Court under PDP Act*. The Star, 4 May 2017. Retrieved from https://www.thestar.com.my/news/nation/2017/05/04/college-operator-first-to-be-hauled-to-court-under-pdp-act/#UmM5brVGW1SryPhh.99

Malaysia. (2010). *Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).*

Marohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Edisi Pertama). Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mayvin Loo. (2015). Workplace Tips on Personal Data Protection. *DPO Connect*. Personal Data Protection Commission Singapore. August 2015.

Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation.* 3rd edi. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Mishra, J. M., & Crampton, S. M. (1998). Employee monitoring: Privacy in the workplace?. *SAM Advanced Management Journal,* 63(3), 4.

Mohd Hamdan Haji Adnan. (2015). Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti Nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2, (57-74).

Muhammad Adnan, Siti Nur Husna, & Mohd Izhar Ariff. (2018). Teori Al-Daruriyyat dan Penggunaan Media Sosial: Satu Perbincangan Konsep. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 75-92.

Muhammad Faheem Hassan & Hasnira Md Lazim. (2014). The Privacy Concerns Of Kptm Bangi's Students Regarding The Online Application In KPTM Website. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/305618871_THE_PRIVACY_CONCERNS_OF_KPTM_BANGI'S_STUDENTS_REGARDING_THE_ONLINE_APPLICATION_IN_KPTM_WEBSITE

Neuman, W.L. (2003). *Social Research Method: Qualitative and Quantitative Approaches.* 7th edi. Needham Height: Allyn and Bacon.

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Nord, G. D., McCubbins, T. F., & Nord, J. H. (2006). E-monitoring in the workplace: Privacy, legislation and surveillance software. *Communications of the ACM*, 49(8), 72-77.

Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS for Windows version 10*. Buckingham: Open University Press.

Pallant, J. (2007). *SPSS: Survival manual*. London: McGraw Hill, Open University Press.

Rantos, K., Fysarakis, K. & Manafavis, C. (2012). How effective is your security awareness program? An evaluation methodology, *Information Security Journal: A Global Perspective*, 21(6), 328-345.

Roman, J. (2015). *Universities: prime breach targets*. Retrieved from https://www.databreachtoday.asia/universities-prime-breach-targets-a-7865

Schwartz P. M. (1995). European Data Protection Law and Restrictions on International Data Flows. *Iowa L. Rev*, 80, 471.

Sekaran, U. (2006). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. New York: Wiley & Son, Inc.

Smith, H. J., Milberg, S. J. & Burke, S. J.. (1996). Information privacy: Measuring individuals' concerns about organizational practices. *MIS Quart*. 20(2): 167-196.

Smith, W. P., & Tabak, F. (2009). Monitoring employee e-mails: Is there any room for privacy?. *The Academy of Management Perspectives*, 23(4), 33-48.

Svitek, P., & Anderson, N. (2014). *University of Maryland computer security breach exposes 300,000 records*. The Washington Post. Retrieved from https://www.washingtonpost.com/local/college-park-shady-grove-campuses-affected-by-university-of-maryland-security-breach

Turban, E., Bolloju, N., & Liang, T. P. (2011). Enterprise social networking: Opportunities, adoption, and risk mitigation. *Journal of Organizational Computing and Electronic Commerce*, 21(3), 202-220.

Zuryati Mohamed Yusoff & Zainal Amin Ayub. (2019). Privasi di tempat kerja: Tinjauan sudut perundangan di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 55-84.